

Kaedah Peperiksaan bagi Murid-murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran (BKBP) (Examination Method for Learning Disabilities Students)

MOHD HANAFI MOHD YASIN, MOHAMED FAUZEE RAMLI, NIK AZHAR NIK ABD. RAHMAN,
MD. AMIN KASBIN & ZAWAWI ZAHARI

ABSTRAK

Kajian ini memperkenalkan dan menguji satu kaedah pentaksiran kepada sampel murid-murid berkeperluan khas kategori masalah pembelajaran. Item-item soalan peperiksaan yang digunakan dalam kajian ini ialah soalan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang telah diuji dalam peperiksaan sebenar. Item peperiksaan ditadbir dalam tiga kaedah, iaitu Kaedah Biasa (KB), E-suara I (EsI) dan E-suara II (EsII). KB ialah kaedah yang biasa digunakan, iaitu kertas pensel. EsI dan EsII pula ialah kaedah yang menggunakan teknologi maklumat (ICT). Semua arahan dan item peperiksaan ditaip dan bersuara, komputer diperlukan untuk mentadbir kedua-dua kaedah ini. Seramai 163 murid bermasalah pembelajaran yang telah menduduki peperiksaan pmr seluruh Malaysia dipilih menjadi sampel kajian. Masa menjawab peperiksaan ditambah sebanyak 25% daripada tempoh masa asal. Dalam EsI dan EsII, sampel melihat dan mendengar item soalan melalui komputer kemudian menjawab di dalam kertas OMR, tetapi dalam EsII pula sampel menjawab terus di dalam komputer. Dapatan kajian menunjukkan bahawa min KB 5.83, EsI 8.13 dan EsII 8.35. Dapatan kajian telah membuktikan bahawa kebolehan murid berkeperluan khas kategori bermasalah pembelajaran menjawab soalan menggunakan EsII adalah baik. Melalui EsII, tahap pencapaian sebenar murid-murid berkeperluan khas kategori bermasalah pembelajaran telah dapat diuji.

Kata kunci: Pendidikan khas, multimedia, pentaksiran alternatif inklusif, keperluan khas

ABSTRACT

This research introduces an alternative method of assessing candidates with learning disabilities without modifying or impacting the quality of the questions. This alternative assessment involves changing the question presentation from a written form to a voice form using computer technology. The sample consists of 163 students from all over Malaysia who have just sat for their Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). In this research, three methods of assessment were studied: 1. Regular Method This is the traditional method as being used now. 2. E-Suara I (EsI) is a model where sample read and listen to the questions on the computer and answer by writing in the OMR paper. E-Suara II (EsII) requires sample to read and listen to the questions on the computer and answer questions on the computer. Findings showed that the level of students' achievement as such: Regular Method mean 5.83, EsI mean 8.13 and EsII min 8.35. The findings show that the EsII method enables students with learning disabilities to answer exam questions better than the Regular Method. Through the EsII Method, the ability of students with learning disabilities can be assessed correctly.

Keywords: Special education, multimedia, alternatif assessment, inclusive, special needs

PENGENALAN

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 23/1998 menyatakan dengan jelas "Kebenaran Bagi Murid-Murid Menduduki Peperiksaan Awam" dengan tujuan memperingatkan dan menegaskan kepada semua Pengetua dan Guru Besar bahawa semua murid yang layak, mengikut syarat-syarat yang sedia ada, adalah berhak mengambil peperiksaan awam (KP (BS) 8591/Jld. XIV/(23) 24 September 1998).

Murid-murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran (BKBP) ini terdiri daripada murid-murid yang

belajar di program integrasi pendidikan khas di sekolah rendah dan menengah. Pembelajaran mereka berbentuk sepenuh masa di kelas pendidikan khas, separa inklusif dan inklusif sepenuhnya. Pada peringkat awal persekolahan, mereka mengikuti kurikulum pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Terdapat sebahagian daripada mereka yang dikenal pasti boleh menguasai kurikulum bermasalah pembelajaran (KBP) diberi peluang untuk mengikuti kurikulum seperti murid biasa, bersesuaian dengan tahap keupayaan kognitif mereka. Murid-murid ini belajar mengikuti kurikulum biasa namun ketidakupayaan mereka masih wujud terutama sekali ketika menjawab soalan peperiksaan awam negara.

Pentaksiran Alternatif e-Suara merupakan satu jenis kaedah penaksiran yang bersifat interaktif komputer bersuara yang dicipta khas untuk sampel-sampel pendidikan khas dalam kategori bermasalah pembelajaran menghadapi peperiksaan yang melibatkan literasi. e-Suara ini dibangunkan dengan mengambil kira piawaian yang *standard* tanpa mengubah maksud, kandungan dan aras kesukaran soalan yang asal. Apa yang dilakukan adalah dengan memberi suara kepada semua bentuk literasi dalam soalan penilaian. Pentaksiran Alternatif e-Suara dalam kajian ini direka bentuk dalam dua kaedah iaitu kaedah e-Suara I (EsI) dan Kaedah e-Suara II (EsII). Kedua-dua kaedah pentaksiran alternatif ini merupakan pilihan daripada kaedah biasa (KB) (berbentuk kertas dan pensel) yang sedia ada. EsI ialah instrumen peperiksaan yang menghendaki sampel melihat dan mendengar item soalan melalui komputer, tetapi menjawab soalan dalam kertas OMR atau kertas saranan jawapan. EsII pula ialah instrumen peperiksaan yang menghendaki sampel melihat dan mendengar item soalan melalui komputer serta menjawab soalan menggunakan komputer.

PENYATAAN MASALAH

Soalan peperiksaan yang diguna pakai oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) bagi sampel BKBP yang menduduki peperiksaan awam tanpa pilihan adalah kurang sesuai kerana keperluan mereka perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya. Keadaan ini telah menyebabkan pencapaian murid kumpulan ini ketinggalan berbanding dengan murid tipikal dalam setiap peperiksaan yang diduduki. Oleh itu, adalah lebih sesuai semua soalan yang diberikan kepada mereka dalam peperiksaan dibina dengan mengambil kira segala kekurangan yang mereka alami.


Melalui cara ini sahaja barulah keupayaan sebenar mereka dapat diuji dengan lebih adil.

Murid-murid BKBP menghadapi pelbagai masalah yang berpunca daripada ketidakupayaan pembelajaran yang dialami. Keadaan ini mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Mereka dikenal pasti sering menghadapi masalah untuk memahami kehendak dan tugas yang terdapat dalam item-item peperiksaan. Mereka juga memerlukan masa yang lebih ketika menjawab soalan peperiksaan objektif dan subjektif. Struktur ayat dan penggunaan bahasa di dalam soalan peperiksaan awam negara sesuai kepada murid biasa tetapi kurang sesuai kepada murid-murid BKBP.

KERANGKA KAJIAN

Beberapa buah negara maju di Barat telah mewujudkan sistem pentaksiran untuk sampel pendidikan khas. Beberapa istilah yang biasa digunakan, iaitu *accommodation* (Rhode Island Department of Education & Early Development 2003; Shaftel et al. 2001; Matthew et al. 2000; Thurlow et al. 1998), *modifications* (NCEO 2003) *alternative assessment* (Grossman 2001; Moores 1999; Trimble 1998) dan yang terbaru ialah *Universal Design Assessments* (Thomson & Thurlow 2002). Sistem-sistem peperiksaan ini lebih teratur dan dibina dengan mengambil kira segala kekurangan yang dialami oleh sampel pendidikan khas. Setiap perkara yang dicadangkan dalam setiap modul pentaksiran ini adalah bertujuan untuk meminimumkan faktor halangan yang dihadapi oleh murid pendidikan khas dalam peperiksaan.

Kajian ini merupakan kajian untuk mencari satu format pentaksiran yang bersesuaian bagi murid-murid BKBP. Oleh itu, kaedah EsI dan EsII dibangunkan untuk melihat keupayaannya dalam mengukur pencapaian sebenar murid-murid BKBP yang selama ini terabai. Kerangka



RAJAH 1. Kerangka Pelaksanaan Kajian

pelaksanaan adalah seperti dalam Rajah 1. Sampel dalam kajian ini terdiri daripada murid-murid BKBP dikategorikan oleh Bahagian Pendidikan Khas sebagai pelajar bermasalah pembelajaran dan juga murid-murid BKBP yang tidak didiagnosis, tetapi gagal semua mata pelajaran dalam aliran perdana.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai tiga objektif:

1. Melihat kriteria pemilihan murid-murid BKBP untuk menduduki peperiksaan PMR.
2. Mengetahui tahap kebolehan membaca murid-murid BKBP semasa menduduki peperiksaan PMR.
3. Menentukan pencapaian murid-murid BKBP dalam Bahasa Melayu setelah menjawab peperiksaan menggunakan KB, EsI dan EsII.

PERSOALAN KAJIAN

Sebanyak tiga soalan kajian dibina bagi menjawab objektif soalan, iaitu seperti berikut:

1. Apakah kriteria murid-murid BKBP yang pilih untuk menduduki peperiksaan PMR?
2. Apakah tahap kebolehan membaca murid-murid BKBP sebelum mengambil peperiksaan PMR?
3. Apakah tahap skor pencapaian murid-murid BKBP yang menjawab peperiksaan menggunakan kaedah KB, EsI dan EsII?

JADUAL 1. Bilangan Sampel yang Dicadangkan Mengambil Peperiksaan PMR

Kategori	Bil Murid	Peratus
Akan menamatkan persekolahan	22	13.5
Permohonan daripada ibu bapa	36	22.09
Disaran oleh guru pendidikan khas	67	41.10
Layak dari segi akademik	35	21.47
Tiada ada respons	3	1.84
Jumlah	163	100

tinggi, iaitu 67 orang (41.10%), manakala sampel yang akan menamatkan persekolahan adalah paling rendah, iaitu seramai 22 orang (13.50%).

Maklumat sampel. Jadual 2 menunjukkan bilangan sampel berdasarkan kemahiran membaca mengikut jantina. Terdapat enam kategori sampel berdasarkan kemahiran membaca dalam jadual tersebut iaitu tidak boleh membaca, membaca suku kata, membaca perkataan, membaca frasa, membaca ayat dan membaca ayat dengan mudah.

Merujuk Jadual 2, bilangan sampel berdasarkan kemahiran membaca, membaca petikan mudah menunjukkan sampel yang paling ramai ialah 76 orang (membaca petikan mudah) (46.63%), manakala subjek

METODOLOGI

Kajian tinjauan ini dilaksanakan melalui dua kaedah, iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Secara umumnya kajian ini lebih melihat kepada skor pencapaian sampel yang menjawab peperiksaan menggunakan KB, EsI dan EsII. Kaedah EsI dan EsII dibangunkan oleh pasukan multimedia kajian ini dengan menggunakan teknologi maklumat. Sampel menjawab soalan peperiksaan seperti peperiksaan biasa dan diawasi oleh pembantu penyelidik yang terdiri daripada guru-guru pendidikan khas di dalam makmal komputer. Seramai 163 murid BKBP dipilih daripada program integrasi yang dikenal pasti mengikuti pembelajaran kurikulum aliran perdana secara separa atau sepenuhnya inklusif. Skor pencapaian sampel disusun daripada yang tertinggi kepada yang terendah bagi ketiga-tiga kaedah tersebut.

DAPATAN KAJIAN

SAMPEL YANG DICADANGKAN MENGAMBIL PEPERIKSAAN

Jadual 1 menunjukkan bilangan sampel yang telah mengambil peperiksaan PMR atas beberapa kategori. Terdapat lima kategori sampel yang dicadangkan iaitu akan menamatkan persekolahan, permohonan daripada ibu bapa, disarankan oleh guru pendidikan khas, layak dari segi akademik dan tidak ada respons.

Jadual 1 menunjukkan bahawa sampel yang disarankan oleh guru pendidikan khas merupakan jumlah yang paling

yang boleh membaca frasa adalah paling sedikit, iaitu lapan orang (4.91%).

Sampel berdasarkan Kemahiran Memahami Arahan atau Maklumat. Terdapat lima kategori sampel berdasarkan kemahiran memahami dalam Jadual 3, iaitu tidak boleh memahami arahan secara lisan, memahami perkataan secara lisan, memahami ayat secara lisan, memahami satu arahan secara lisan dan memahami lebih dari satu arahan secara lisan.

Dapatan dalam Jadual 3 menunjukkan purata sampel memahami lebih daripada satu arahan lisan menunjukkan keputusan paling tinggi iaitu 102 (62.58%), manakala sampel tidak boleh memahami arahan secara lisan adalah paling rendah, iaitu 1 (0.61%).

JADUAL 2. Bilangan Sampel Berdasarkan Kemahiran Membaca

Kategori	Bil Murid	Peratus
Tidak boleh membaca	13	7.98
Membaca suku kata	20	12.27
Membaca perkataan	16	9.82
Membaca frasa	8	4.91
Membaca ayat	30	18.40
Membaca petikan mudah	76	46.63
Jumlah	163	100

JADUAL 3. Taburan Sampel Berdasarkan Kemahiran Memahami

Kategori	Bil Murid	Peratus
Tidak boleh memahami secara lisan	1	0.61
Memahami arahan secara lisan	12	7.36
Memahami ayat secara lisan	18	11.04
Memahami satu arahan secara lisan	30	18.40
Memahami lebih dari satu arahan secara lisan	102	62.58
Jumlah	163	100

Bilangan Subjek Mengikut Negeri. Jadual 4 pula menunjukkan bilangan sampel mengikut negeri bagi jantina lelaki dan perempuan. Sampel bermasalah pembelajaran ini berasal daripada pelbagai negeri. Sampel dari negeri Kedah adalah paling ramai iaitu 30 orang (18.40%), manakala negeri yang paling sedikit ialah Sarawak, iaitu dua orang (1.23%).

Tahap Skor Pencapaian Mengikut Kaedah Peperiksaan. Soalan peperiksaan mengandungi 20 item aneka pilihan. Item-item disediakan berdasarkan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) agar mempunyai tiga jenis aras, iaitu mudah, sederhana dan sukar. Selepas tamat menjawab peperiksaan, setiap kertas jawapan sampel bagi ketiga-tiga kaedah diperiksa dan diberikan skor berdasarkan jawapan yang betul.

Skor Pencapaian Peperiksaan Mata Pelajaran Bahasa Melayu Kaedah Biasa. KB ialah kaedah yang

digunakan oleh LPM pada masa kini. Semua sampel diberi masa tambahan menjawab peperiksaan selama 25% daripada masa asal peperiksaan. Dapatan kajian mendapati bahawa min purata skor kumpulan KB adalah 5.85. Item 13 menunjukkan item kekerapan yang tertinggi dijawab betul oleh sampel kumpulan ini iaitu seramai 92 sampel (56.4%). Manakala, peratusan kedua tertinggi ialah item 7 iaitu 54.6% atau 89 sampel. Item 10, 11 dan 2, skor pencapaian masing-masing ialah 42.7%, 42.3% dan 41.7%. Kekerapan betul yang paling rendah dengan hanya 12 sampel atau 7.4% diperolehi pada item 1.

Skor Pencapaian Peperiksaan Mata Pelajaran Bahasa Melayu. Kaedah e-Suara I (Kes I) Kaedah EsI memerlukan sampel menjawab soalan dengan melihat dan mendengar item bersuara melalui komputer. Dalam EsI, setiap sampel menjawab soalan dalam kertas OMR. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bagi kumpulan

JADUAL 4. Bilangan Sampel Mengikut Negeri Asal

Negeri	Bil dan % Sampel Mengikut Negeri
Sarawak	2 (1.23%)
Labuan	5 (3.08%)
Kelantan	8 (3.08%)
Terengganu	9 (5.52%)
Pahang	9 (5.52%)
Johor	29 (17.79%)
Melaka	10 (6.13%)
Putrajaya	5 (3.08%)
Negeri Sembilan	5 (3.08%)
Wilayah Persekutuan	19 (11.66%)
Selangor	25 (15.34%)
Perak	31 (8.4%)
Pulau Pinang	42 (45%)
Kedah	30 (18.40%)

EsI, item 3 telah mencapai tahap kekerapan betul paling tinggi iaitu 104 sampel (63.8%). Manakala peratusan kedua paling kerap betul ialah item 14 iaitu 58.9% atau 96 sampel. Item-item yang mempunyai kekerapan betul sama ialah 8, 10, 4, 17, 16 dan 20. Item 15 mempunyai kekerapan betul paling rendah, iaitu 30 sampel (18.4%). Min skor pencapaian Bahasa Melayu kumpulan kaedah EsI ialah 8.13.

Skor Pencapaian Peperiksaan Mata Pelajaran Bahasa Melayu Kaedah e-Suara II (Kes II) Menerusi kaedah ini sampel melihat dan mendengar item-item menggunakan komputer. Mereka dikehendaki menjawab soalan terus dalam perisian komputer. Skor pencapaian sampel boleh dipaparkan terus secara atas talian. Keputusan skor pencapaian Bahasa Melayu kaedah EsI menunjukkan bahawa item 11 mendapat kekerapan paling tinggi yang dijawab betul, iaitu 106 sampel (64.6%). Manakala item 3 pula kedua paling kerap dijawab betul, iaitu 105 sampel (64.0%). Item 5 pula mempunyai kekerapan betul sederhana iaitu 86 atau 52.4%. Item 19 mempunyai kekerapan betul yang paling sedikit, iaitu 29 sampel (17.7%). Secara keseluruhan min skor pencapaian bagi kaedah ini ialah 8.35.

ANALISIS DAPATAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian, ketiga-tiga kaedah peperiksaan menunjukkan terdapat perbezaan min skor yang ketara. Berikut adalah analisis dapatan bagi melihat perbandingan perbezaan skor pencapaian tersebut.

ADAKAH TERDAPAT PERBEZAAN SKOR PENCAPAIAN ANTARA KB DAN ESI

Berdasarkan dapatan kajian terdapat perbezaan skor pencapaian antara KB dan EsI. Jadual 5 menunjukkan perbezaan skor pencapaian kaedah biasa dengan skor pencapaian kaedah EsI.

Jadual 5 menunjukkan perbezaan kekerapan skor pencapaian Bahasa Melayu KB dan kaedah EsI yang merujuk kepada item 13. EsI telah mendapat kekerapan yang tinggi iaitu 63.4% berbanding KB yang hanya mendapat 92% betul sahaja. Selanjutnya jika dilihat kepada item 1 pula keadaan yang sama berlaku, EsI masih mendapat peratus kekerapan betul tinggi (18.4%) berbanding dengan KB hanya 7.4% sahaja. Dapatan ini menunjukkan bahawa Kaedah EsI adalah lebih berkesan berbanding KB bagi murid-murid BKBP menjawab soalan peperiksaan.

JADUAL 5. Perbezaan Skor Pencapaian KB dan EsI

	Skor Paling Tinggi		Skor Paling Rendah	
	Item	Bil/Peratus	Item	Bil/Peratus
Kaedah Biasa	13	92 (56.4%)	1	12 (7.4%)
EsI	13	104 (63.4%)	1	30 (18.4%)

ADAKAH TERDAPAT PERBEZAAN SKOR PENCAPAIAN DI ANTARA KB DAN ESII

Perbandingan perbezaan skor pencapaian peperiksaan dalam KB dan EsII menunjukkan perbezaan dari segi pencapaian. Jadual 6 menunjukkan perbezaan skor pencapaian KB dengan skor pencapaian Kaedah EsII.

Perbezaan boleh dilihat dari segi kekerapan item yang betul antara KB dan EsII (Jadual 6). Item 13 KB hanya mendapat kekerapan betul sebanyak 56.4 % berbanding EsII mendapat kekerapan lebih tinggi iaitu, 64.6 %. Bagi item 1 pula, kekerapan betul dalam EsII (17.7%) adalah tinggi berbanding dengan KB yang

hanya mendapat kekerapan betul sebanyak 7.4% sahaja. Ini jelas membuktikan bahawa sampel BKBP mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk menjawab dengan betul setiap item sekiranya menjawab peperiksaan dalam EsII.

ADAKAH TERDAPAT PERBEZAAN SKOR PENCAPAIAN ANTARA KB, ESI DAN ESII

Perbandingan skor pencapaian antara KB, EsI dan EsII menunjukkan perbezaan yang jelas. Jadual 7 menunjukkan perbezaan skor pencapaian bagi ketiga-tiga kaedah peperiksaan tersebut.

JADUAL 6. Perbezaan Skor Pencapaian KB dan EsII

	Skor Paling Tinggi		Skor Paling Rendah	
	Item	Bil/Peratus	Item	Bil/Peratus
Kaedah Biasa	13	92 (56.4%)	1	12 (7.4%)
E-Suara II	13	106 (64.6%)	1	29(17.7%)

JADUAL 7. Perbezaan Skor Pencapaian Kaedah Biasa dengan Skor Pencapaian Kaedah e-Suara I dan e-Suara II

	Skor Paling Tinggi		Skor Paling Rendah	
	Item	Bil/Peratus	Item	Bil/Peratus
Kaedah Biasa	13	92 (56.4%)	1	12 (7.4%)
E-Suara I	13	104 (63.4%)	1	29 (17.7%)
E-Suara II	13	106 (64.6%)	1	30 (18.4%)


Dapatan kajian menunjukkan item 13 bagi KB hanya mendapat kekerapan betul sebanyak 56.4%, EsI mendapat kekerapan betul 63.4% dan yang tertinggi EsII mendapat kekerapan 64.6%. Seterusnya bagi item 1, EsII mendapat kekerapan tertinggi, iaitu 18.4%, EsI mendapat kekerapan 17.7% dan yang terendah ialah KB hanya mendapat kekerapan betul sebanyak 7.4% sahaja. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa EsII berupaya meningkatkan skor pencapaian murid-murid BKBP dalam peperiksaan yang mereka duduki.

PERBANDINGAN KESELURUHAN SKOR PENCAPAIAN PEPERIKSAAN MENGGUNAKAN KB, ESI DAN ESII

Perbandingan keseluruhan skor keupayaan sampel menjawab soalan dengan betul melalui ketiga-tiga kaedah pentaksiran bagi mata pelajaran Bahasa Melayu kumpulan PMR berdasarkan min dan peratus ditunjukkan dalam Jadual 8.

JADUAL 8. Perbandingan Keupayaan Sampel Menjawab Soalan dengan Betul Melalui Tiga Kaedah Pentaksiran

Kaedah	Min	Peratus
Kaedah Biasa	5.83	29.15
Kaedah e-Suara I (Kes I)	8.13	40.65
Kaedah e-Suara II (Kes II)	8.35	43.75



RAJAH 2. Perbandingan Keseluruhan Skor Pencapaian Peperiksaan Menggunakan Kaedah Biasa, Kaedah e-Suara I (Kes I) dan e-Suara II (Kes II)

Jadual 8 dan Rajah 2 menunjukkan min skor pencapaian menggunakan KB ialah 5.83 (29.15%), diikuti min kaedah EsI 8.13 (40.65%). Manakala min skor pencapaian kaedah EsII pula ialah 8.35 (43.75%). Dapatan menunjukkan perbandingan keupayaan sampel menjawab soalan dengan betul melalui ketiga-tiga kaedah pentaksiran bagi mata pelajaran Bahasa Melayu PMR menunjukkan peningkatan yang tinggi bagi kaedah EsI dan EsII jika dibandingkan menggunakan KB.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah dapat dijalankan mengikut perancangan yang ditetapkan oleh LPM dan kumpulan penyelidik. Keseluruhan data yang diperlukan bagi menjawab persoalan kajian juga telah dapat diperoleh dengan secukupnya. Hasil dapatan merujuk kepada objektif dan persoalan kajian yang telah ditentukan. Keputusannya, perbezaan skor pencapaian ketiga-tiga kaedah yang diaplikasikan kepada sampel BKBP

menunjukkan terdapat perubahan peningkatan yang ketara antara KB dengan kaedah EsI dan EsII. Oleh itu, satu kaedah peperiksaan EsII boleh di perkenalkan kepada murid-murid BKBP semasa mereka menduduki peperiksaan.

RUJUKAN

- Ketua Pengarah Pendidikan. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 23/1998: (KP (BS) 8591/Jld. XIV/(23) 24 September 1998). Kuala Lumpur.
- Matthew, D.T., Leigh, B. Harold, L.K. & Jacqueline, F.K. 2000. The Relation of Statewide alternate assessment for students with severe disabilities to other measures of instructional effectiveness. *The Journal of Special Education* 34(2): 69-76.
- Moore, D.F. 1999. High stakes testing: Are the stakes too high? *American Annals Of The Deaf* 145(3): 235-236.
- Shafel, J., Belton-Kocher, E., Glasnapp, D.R. & Poggio, J.P. 2003. *The Differential Impact of Accommodations in Statewide Assessment: Research Summary*. Centre for Educational Testing and Evaluation University of Kansas: National Centre on education Outcomes (atas talian). [http://education.umn.edu/nceo/TopicArea/Accommodation/Kansas.htm\(26/02/24\)](http://education.umn.edu/nceo/TopicArea/Accommodation/Kansas.htm(26/02/24)).
- Thompson, S. & Thurlow, M. 2002. *Universally Designed Assessments: Better for Everyone!(Policy Directions No.14)*. Minneapolis, MN: University of Minnesota, National Centre on Education Outcomes (atas talian) <http://education.umn.edu/NCEO?OnlinePubs/Policy14.htm> (21 April 2003).
- Thurlow, M.L., Elliott, L.J. & Ysseldyke, J.E. 1998. *Testing Students with Disabilities: Practical Strategies for Complying with District and State Requirements*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Trimble, S. 1998. *Performance Trends and Use of Accommodation on Statewide Assessment: Student with Disabilities in the KIRIS On-demand Assessment from 1992-93 through 1995-96 (Maryland-Kentucky Report 3)*. University of Minnesota (atas talian) http://education.umn.edu/NCEO/onlinePubs/MDKY_3.html (17 Sept.2002).

Mohd Hanafi Mohd Yasin
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor D.E.
Malaysia.